

IPT disyor wujud pengajian khusus kaji

pemikiran PM

UM 19 MAR 2001
KOTA BHARU 18 Mac — Insti-
tusi pengajian tinggi (IPT) disa-
ran mewujudkan bidang penga-
jian khusus bagi mengkaji pem-
ikiran Perdana Menteri Datuk
Seri Dr Mahathir Mohamad

Setiausaha Politik Perdana
Menteri Datuk Dusuki Ahmad
berkata kajian yang dilaksana-
kan membolehkan semua pihak
mendapat gambaran jelas me-
ngenai perancangan Dr Maha-
thir

Katanya buat masa ini masih
ada kalangan rakyat yang tidak
memahami malah salah faham
terhadap segala perancangan
yang dibuat oleh Perdana Men-
teri untuk mereka dan negara
ini

Dr Mahathir mempunyai
cita-cita besar untuk rakyat dan
negara ini kita sedang meniti ke-
arah itu cumanya banyak perka-
ra yang masih belum selesai
Perdana Menteri merupakan
pengubah struktur pemikiran
ummah di abad ini katanya

Beliau sebelum itu mengada-
kan pertemuan dengan guru
guru pendidikan Islam Kemen-
terian Pendidikan (Rakan Bes-
tari) di sini hari ini

Dusuki juga menyarankan
perkara yang sama kepada per-
tubuhan badan bukan kerajaan
(NGO) agar mengambil langkah
mengkaji dan memahami segala

■ Lihat muka 4

IPT disyor wujud pengajian khusus kaji pemikiran PM

perancangan yang sudah
sedang dan akan dibuat
oleh Perdana Menteri sejak
menganggotai kabinet
pada 1974

Menurutnya Perdana
Menteri sendiri meletak-
kan matlamatnya untuk

mengangkat martabat ora-
ng Melayu di mata dunia di-
samping menjadikan Ma-
laysia sebagai negara Islam
pertama mencapai status
negara maju dan menjadi
negara Islam contoh

Beliau berkata Dr Ma-

thahir juga mahu meyakini
kan manusia bahawa Islam
agama benar yang menja-
min kesejahteraan dan ber-
usaha menjadikan orang
Melayu sebagai model
umat Islam yang berjaya

Sekarang orang lihat

bangsa Arab seperti berke-
bolehan sedangkan tangga-
pan itu sebenarnya bukan
ujarnya

Dusuki memberitahu
matlamat matlamat itulah
yang disifatkan oleh Perda-
na Menteri sebagai perju-
angan yang belum selesai